

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (KUALA SELANGOR.TANJUNG KARANG)

TARIKH: 30 MAC 2018

MUKA SURAT: 34

## Ganjaran rumah PPR untuk cabutan bertuah

TANJONG KARANG – Karnival Perpaduan dan Kesejahteraan Parlimen Tanjong Karang menawarkan hadiah cabutan bertuah berupa sebuah unit apartmen PPR untuk pengunjung bermula hari ini sehingga Ahad nanti.

Ketua Pemuda Umno Bahagian Tanjong Karang, Maruwan Ahmad berkata, hadiah cabutan bertuah paling mewah itu terbuka kepada semua pengunjung yang juga rakyat Selangor.

“Selain seunit apartmen, dua motosikal, enam basikal dan pelbagai jenis barangan elektrik turut ditawarkan dalam karnival yang dianjurkan secara besar-besaran itu.

“Lebih menarik, program khas ‘Brother Motor’ turut dianjurkan bagi memberi peluang kepada penunggang motosikal menukar minyak hitam



MARUWAN

percuma dengan kerjasama Giatmara,” katanya ketika ditemui.

Maruwan yang juga Pegawai Khas Adun Sungai Burong itu berkata, kupon untuk penukaran minyak percuma itu boleh didapati di kaunter ‘Brother Motor’ untuk 500 pengunjung terawal sahaja.

“Program ini akan diadakan pada Ahad pagi bermula jam 9 pagi dan rebutlah peluang ini. Pelbagai program dan aktiviti menarik turut di-

anjurkan selama tiga hari bermula hari ini sehingga lusa.

“Aktiviti sukan dimeriahkan dengan kayuhan funride, Liga Penalti Wanita Muda yang mana penyertaan masih dibuka dan Larian Kesejahteraan Bersama Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

“Persembahan hiburan juga diadakan dengan artis jemputan seperti Aiman Tino, Nabila Razak, Wak Mustar dan Herman Tino manakala sebelah malam nanti ada selawat perdana dan persembahan ghazal.

“Bagi peniaga atas talian, program ceramah peluang perniagaan juga turut diadakan selain demonstrasi bomba. Lebih 50 gerai jualan dan pameran dibuka untuk pengunjung,” katanya.